

Pameran lukisan al-Quran terbesar di UPM

SERDANG 7 Dis. -Lebih 15 lukisan al-Quran yang dipercayai terbesar di dunia dipamerkan di Dewan Besar, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, untuk tatapan umum bermula semalam hingga esok.

Kesemua lukisan yang dipamerkan sempena Karnival Kesenian Islam UPM 2012 itu merangkumi ayat-ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah yang dilukis menggunakan lima tulisan khat berbeza antaranya Nasakh, Thuluth, Rik'ah, Farsi, Diwani dan Kufi.

Lebih menarik, setiap lukisan bersaiz 21 meter itu turut berlatar-belakangkan warna-warna menarik bertujuan menarik perhatian orang

ramai khususnya golongan muda mendalami dan menghayati ayat-ayat suci bagi umat Islam itu.

Pelukisnya, Abd. Ghafur Tahir berkata, niat murninya menghasilkan lukisan-lukisan itu bertujuan mengajak masyarakat mengenal dan memahami al-Quran dengan lebih mendalam.

Katanya, al-Quran harus disampaikan dengan cara yang indah, penuh hikmah dan kasih sayang.

"Atas matlamat itu, sejak 10 tahun lalu saya bercita-cita membentuk sebuah naskhah al-Quran yang cantik dalam bentuk kontemporari iaitu versi abstrak dengan gabungan

khat, ditambah warna yang segar agar dapat ditempatkan dalam ruang yang terhormat, indah, luas dan menjadi tumpuan ramai," katanya dalam sidang akhbar sempena pameran itu di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, Noorizai Mohamad Noor.

Karnival bertemakan Solusi Musik itu turut mempamerkan lebih 50 lukisan pelbagai saiz berkonsepkan Islam yang dihasilkan sendiri Abd. Ghafur dan empat anak lelakinya termasuk, Ahmad Dhiya', 18, serta dibantu seorang pelukis dari Pakistan, In'am.



ABD. GHAFUR Tahir dan salah seorang anaknya menunjukkan dua lukisan al-Quran terbesar yang dipamerkan sempena Karnival Kesenian Islam di Universiti Putra Malaysia, Serdang, semalam.